

23/09/2003

MPP jumud, mahasiswa lesu

Kasim Muhamad

SURAT Norhaidi Mohd Nordin, Ahli Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang disiarkan dalam ruangan ini, Jumaat lalu, dengan tajuk 'Mahasiswa semakin sebatikan budaya lesu tanpa hala tuju', menarik minat saya untuk memberi pandangan mengenainya.

Saya berpandangan beliau memberikan satu situasi atau 'penyakit' yang melanda kehidupan mahasiswa di kampus ketika ini.

'Penyakit' yang bolehlah dikategorikan sebagai kronik kerana mahasiswa adalah generasi yang akan mencorakkan masa depan negara. Dengan sikap mahasiswa seperti yang dihuraikan dalam suratnya, sukar untuk mereka menjadi peneraju negara kelak.

Saudara juga meminta barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru dipilih agar bangun dan memantapkan dunia mahasiswa. Seperti mana pendekatan yang diambil oleh negara.

Di sini, saya ingin memberikan sedikit pandangan yang boleh dikatakan sebagai punca berlakunya 'penyakit' yang saudara huraikan.

Saya berpendapat bahawa gejala seperti tidak bergaul sesama mereka, tiada integrasi antara kaum dan agama, perbincangan yang tidak bersifat ilmiah dan budaya lesu lain yang dinyatakan adalah berpunca daripada sikap atau peranan yang dimainkan barisan MPP bermentaliti jumud.

Ada barisan MPP yang memerintah tidak mampu menjalankan tugas dengan baik. Mereka tidak pernah mengadakan program yang boleh membuka minda mahasiswa apa lagi dapat membabitkan penyertaan semua kaum dan berlainan agama seperti India dan Cina. Pada masa sama, mereka terbabit dalam kegiatan yang merosakkan masa depan sendiri seperti gerakan bawah tanah dan sebagainya.

Pemimpin pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), terutama di Lembah Klang perlu membawa perubahan supaya dapat membuka minda mahasiswa melalui kegiatan berfaedah, di samping cemerlang dalam bidang akademik. Janalah program yang mampu memantapkan dunia mahasiswa.

Mahasiswa yang memilih MPP, pilihlah mereka yang berfikiran terbuka, tidak bermentaliti dijajah yang hanya melaksanakan program dengan membabitkan mereka.

Kepada MPP yang baru dilantik, penjaanaan program yang berfaedah amat penting. Tidak perlu banyak berpolemik, tetapi hasilnya tiada.

Ayuh kita bangkit daripada budaya lesu tanpa hala tuju. Kita pupuk budaya perpaduan antara kaum di kampus, di samping cemerlang dalam akademik demi merealisasikan harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan masyarakat berpengetahuan serta mencapai Wawasan 2020.

KASIM MUHAMAD,
Alai, Melaka.